

AIA bantu selesai masalah kesihatan mental pekerja

PETALING JAYA — Pertambahan masalah mental dalam komuniti semasa telah menyebabkan AIA Berhad (AIA) melancarkan penyelesaian kesihatan mental yang pertama di pasaran dengan kerjasama ThoughtFull, sebuah platform kesihatan mental digital yang berpangkalan di Asia Tenggara.

Penyelesaian baharu ini akan membolehkan majikan memberikan penjagaan yang lebih baik dan sokongan hujung ke hujung untuk kesejahteraan mental pekerja mereka.

Ketua Pegawai Penyelesaian Korporat AIA, Tung Hsiao Ley berkata, semakin ramai tenaga kerja terpaksa bergelut dengan masalah kesihatan mental, yang telah diburukkan lagi oleh pandemik.

"Ia bukan sahaja memudarangkan kesejahteraan emosi seseorang individu itu tetapi turut menjaskan produktiviti negara.

"Organisasi yang ingin memupuk persekitaran kerja

yang sihat dan gembira untuk pekerja mereka perlu memainkan peranan lebih aktif dalam menangani masalah kesihatan mental di tempat kerja," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Penyelesaian Kesihatan Mental baharu ini adalah sebahagian daripada WorkWell with AIA, suatu proposisi di bawah Penyelesaian Korporat Menyeluruh syarikat berkenaan.

WorkWell with AIA menawarkan pelbagai penyelesaian dan perkhidmatan bagi membimbing organisasi yang ingin memupuk dan meningkatkan kesejahteraan pekerja mereka.



**MASALAH keluarga
dan kewangan
antara penyebab
kepada masalah
mental pekerja.**

— GAMBAR HIASAN